



Analisis hadis Rasulullah SAW berkaitan musibah dalam *Kitāb al-Marḍā Ṣaḥīḥ* Imam al-Bukhārī

[Analysis of Prophet Muhammad's hadiths on calamity in the book of al-Marḍā Ṣaḥīḥ Imam al-Bukhārī]

Muhammad Aizat Syimir Rozani*¹ & Ahmad Haiqal Fitri Ahmad Fuad²

¹ Jabatan Al-Quran dan Al-Hadis, Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Selangor, Malaysia. e-Mail: aizatsyimir@kuis.edu.my. Telp.: 010-6565321.

² Universiti Sidi Mohamed Ben Abdellah, Fes, Maghribi. e-Mail: haiqalfitri.af@gmail.com. Telp.: 019-9762018.

* Corresponding Author: Muhammad Aizat Syimir Rozani, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadis, Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Selangor, Malaysia. e-Mail: aizatsyimir@kuis.edu.my. Telp.: 010-6565321.

Keywords:

Hadith, The Prophet Muhammad (pbuh), Calamity, Kitāb al-Marḍā, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī

ABSTRACT

*The world is never without life trials in the form of calamities whether inflicted on individuals or as a whole. Despite the severity, a believer must believe that there is wisdom behind everything that is destined by Allah. For example, Prophet Muhammad (pbuh) was one of the most severely tested human beings. Not only with personal calamities that befell him such as the death of close family members, he was also being tested in the process of spreading the religion of Allah. Therefore, the Prophet Muhammad (pbuh) should be considered as *qudwah* in life, especially when it involves calamities that befall oneself. Hence, this paper is to discuss issues related to calamities according to the Islamic perspective as well as to analyse the hadiths of the Prophet (pbuh) in relation to this subject. This study focuses on the hadiths of the Prophet (pbuh) found in the book of *al-Marḍā, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* which was written by Imam al-Bukhārī. The methodology adopted is qualitative by using thematic content analysis method. The hadiths of the Prophet (pbuh) in relation to calamities in the book of *al-Marḍā, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* are being analysed. The selection of hadith is based on the hadiths which contain words that originated from *أَصَابَ - يُصِيبُ - إِصَابَةٌ*. This paper found that the Prophet (pbuh) through his hadiths, has taught us that calamity is to cleanse the sin, the beginning of goodness and he also taught us to not give up on the calamity that befalls.*

Kata Kunci:

Hadis, Rasulullah SAW, Musibah, Kitāb al-Marḍā, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī

ABSTRAK

Dunia tidak akan pernah berhenti dengan ujian-ujian kehidupan yang berbentuk musibah sama ada ia ditimpakan ke atas individu atau secara keseluruhan. Walaupun berat musibah yang menimpa namun sebagai orang yang beriman perlu meyakini bahawa terdapat hikmah di sebalik setiap yang ditakdirkan oleh Allah SWT. Nabi Muhammad SAW misalnya merupakan di antara insan yang paling berat diuji dengan musibah yang pelbagai. Tidak cukup dengan musibah peribadi yang menimpa dirinya seperti kematian ahli

keluarga yang terdekat, baginda SAW juga ditimpa musibah dengan diuji dalam perjalanan menyebarkan agama Allah SWT. Oleh itu, Nabi Muhammad SAW sewajarnya dijadikan teladan dalam kehidupan khususnya apabila melibatkan musibah yang menimpa diri. Oleh itu, artikel ini hadir untuk mengupas isu berkaitan musibah mengikut perspektif Islam serta menganalisis hadis-hadis Rasulullah SAW berkaitannya. Kajian ini juga memfokuskan kepada hadis-hadis Nabi SAW yang terdapat di dalam *Kitāb al-Marḍā*, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang telah dikarang oleh Imam al-Bukhārī. Metodologi yang digunakan adalah secara kualitatif dengan kaedah analisis kandungan secara tematik dengan mengkaji hadis-hadis Nabi SAW yang berkaitan musibah di dalam *Kitāb al-Marḍā*, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Pemilihan hadis pula adalah merujuk kepada hadis yang mengandungi perkataan yang berasal daripada *أَصَابَ - يُصِيبُ - إِصَابَةٌ*. Kajian mendapati bahawa Nabi SAW melalui hadis-hadisnya telah mengajar bahawa musibah merupakan penghapus dosa, permulaan kebaikan dan Baginda SAW juga telah mengajar untuk tidak berputus asa disebabkan musibah yang melanda.

Received: November 17, 2020

Accepted: April 28, 2021

Online Published: June 30, 2021

1. Pendahuluan

Perkataan ujian atau musibah sudah sinonim dalam kehidupan manusia. Seorang muslim sudah pasti beriman bahawa tidak ada manusia yang dapat lari daripada diuji atau ditimpa musibah. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah *al-Ankabūt* [29] ayat ke 2:

﴿ أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴾

Maksudnya:

“Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: “Kami beriman”, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan).”

Ibn Kathīr Rahimahullah (2000) dalam mentafsirkan ayat ini menyatakan bahawa Allah SWT akan menguji hamba-Nya mengikut kadar keimanan masing-masing. Jika bertambah hebat keimanan seseorang itu maka bertambah dahsyatlah ujian buat mereka. Oleh itu, keinginan kepada kehidupan yang sunyi tanpa ujian merupakan satu perkara yang mustahil malah selayaknya bagi seorang hamba itu diuji oleh Tuhannya. Penegasan yang serius juga turut diberikan oleh al-Nāṣirī (1985) bahawa sesiapa yang tidak tetap dan teguh dalam menghadapi fitnah dan ujian adalah tergolong dalam kalangan mereka yang menipu dan tidak termasuk dalam kalangan mukmin yang benar.

Para Nabi umpamanya merupakan antara individu yang paling berat ditimpa musibah. Baginda SAW pernah ditanya mengenai siapakah yang paling dahsyat ujiannya, Baginda SAW bersabda:

عَنْ مُصْعَبِ بْنِ سَعْدٍ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيُّ النَّاسِ أَشَدُّ بَلَاءً؟ قَالَ: ((الْأَنْبِيَاءُ ثُمَّ الْأَمْثَلُ فَالْأَمْثَلُ، فَيَبْتَلَى الرَّجُلَ عَلَى حَسَبِ دِينِهِ، فَإِنْ كَانَ دِينُهُ صُلْبًا اشْتَدَّ بَلَاؤُهُ، وَإِنْ كَانَ فِي دِينِهِ رِقَّةٌ ابْتُلِيَ عَلَى حَسَبِ دِينِهِ، فَمَا يَبْرَحُ الْبَلَاءُ بِالْعَبْدِ حَتَّى يَتْرُكَهُ يَمْشِي عَلَى الْأَرْضِ مَا عَلَيْهِ خَطِيئَةٌ

[al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, *Abwāb al-Zuhd ‘an Rasūlillah SAW*, *Bāb Mā Jā’a Fī al-Ṣabr ‘alā al-Balā’*, nombor hadis 2398, Hadis *Ḥasan Ṣaḥīḥ*]

Maksudnya:

Daripada Mus'ab Ibn Sa'd, daripada ayahnya telah berkata: "Aku berkata: "Wahai Rasulullah, siapakah manusia yang paling dahsyat ujiannya? Baginda SAW menjawab: "Para anbiya' kemudian orang-orang yang serupa lalu orang-orang yang serupa, seseorang lelaki itu diuji menurut kadar agamanya (keimanannya), sekiranya kuat keimanannya maka dahsyatlah ujiannya, sekiranya lemah keimanannya maka dia diuji menurut kadar agamanya, dan ujian itu akan berterusan menimpa hamba sehinggalah dia akan berjalan di atas muka bumi dalam keadaan suci daripada dosa"."

Nabi Muhammad SAW sendiri menghadapi pelbagai ujian dan musibah sepanjang kehidupan Baginda SAW. Musibah tersebut melibatkan kehidupan peribadi seperti kematian ibu dan bapa saat Baginda SAW masih bayi, juga kematian bapa saudaranya, Abū Tālib dan Khadījah RA isteri Baginda SAW yang merupakan di antara insan yang paling disayangi oleh Nabi SAW. Malah saat menegakkan syariat Allah SWT, Baginda SAW turut ditimpa dengan pelbagai musibah seperti dipulau, dihina, dicerderakan dan lain-lain lagi (Al-'Umarī, 1994). Namun, peribadi Nabi SAW menggambarkan *uswah hasanah* dalam menghadapi musibah yang mendatang. Hal ini dapat dilihat dalam hadis-hadis Nabi SAW yang mengajak untuk melihat setiap musibah yang mendatang dari dimensi yang positif. Allah SWT sendiri telah mengiktiraf peribadi Baginda SAW seperti yang dinyatakan dalam surah *al-Aḥzāb* [33], ayat ke 21 yang berbunyi:

﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا﴾

Maksudnya:

"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah SWT banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)."

Merujuk kepada ayat di atas, jelaslah bahawa setiap gerak kerja manusia yang mengharapkan reda Tuhannya perlulah berpaksi dan berpandukan kepada sabda dan kemahuan Baginda SAW. Hal ini kerana, percakapan dan perbuatan Baginda SAW itu sendiri memanasifestasikan ayat-ayat suci Kalam Allah SWT seperti yang telah dijelaskan oleh isteri Baginda SAW Aisyah RA. Al-Sha'rāwī (1997) turut menjelaskan bahawa agama Islam sebelum ia berkembang di atas manhaj ilmu, ia telah berkembang atas *al-manhaj al-sulūkī* iaitu akhlak. Antara akhlak dan perihal Rasulullah SAW, Baginda SAW tidak pernah menyuruh sahabat-sahabat Baginda SAW untuk melakukan sesuatu perkara melainkan perkara tersebut telahpun dilakukan oleh Baginda SAW sendiri.

Dalam isu menghadapi wabak misalnya, Nabi SAW berpesan untuk memohon pertolongan daripada Allah SWT dengan bertaubat, menjauhkan diri daripada perbuatan tercela, berzikir, berdoa, bersabar dan menyakini bahawa kesakitan, bala bencana dan kesembuhan adalah tertakluk kepada kehendak Allah SWT (El Sharabany, 2020). Ibadah yang dinyatakan ini merupakan satu bentuk rawatan penyembuh yang berasaskan Sunnah Nabi SAW menurut Aswad (2019). Oleh itu, menjadi suatu tuntutan ke atas umat Islam untuk sentiasa merujuk kepada Rasulullah SAW melalui hadis-hadisnya dalam setiap urusan dan gerak kerja mereka. Imam al-Bukhārī misalnya ada mengumpulkan beberapa hadis Nabi SAW berkaitan musibah di dalam *Ṣaḥīḥnya* pada *Kitāb al-Marḍā*. Hadis-hadis ini perlu diteliti dan dihayati agar menjadi panduan dalam menghadapi musibah yang mendatang.

2. Pengenalan *Kitāb al-Marḍā* dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

Kitāb al-Marḍā merupakan Kitab yang ke-75 daripada 97 kitab di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Fu'ād, 1968). Kitab ini telah dibahagikan kepada 22 bab utama yang memuatkan sebanyak 38 hadis Nabi SAW. *Al-Marḍā* pada sudut bahasa merupakan jamak bagi perkataan مريض dalam Bahasa Arab yang membawa maksud pesakit. Sakit yang dimaksudkan oleh al-Bukhārī di sini adalah sakit yang bersifat jasmani, namun boleh juga dikaitkan dengan penyakit hati sama ada syubhah atau syahwat (al-Fāsī, 2007).

Ibn Hajar al-'Asqalānī (2013) dalam muqaddimah syarahan beliau ke atas *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* telah menjelaskan *al-Munāsabah* (kaitan) peletakan *Kitāb al-Marḍā* dan *al-Ṭibb* selepas *Kitāb al-Ashriba*. Beliau berpendapat bahawa makanan dan minuman merupakan penyebab utama badan manusia berhajat kepada

rawatan akibat sakit. Oleh sebab yang sedemikian, amat signifikan untuk diletakkan *Kitāb al-Marḍā* ini dan seterusnya *Kitāb al-Tibb* selepas huraian *Kitāb al-Ashriba*.

3. Definisi Musibah mengikut Perspektif Islam

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, musibah membawa maksud bencana, celaka atau malapetaka. Manakala menurut linguistik Arab, perkataan “Musibah” (مصيبة) merupakan kata nama pelaku (اسم الفاعل) bahasa Arab yang berjantina perempuan (المؤنث) dengan penambahan *tā’ marbūṭah* di akhir perkataannya. Ia berasal daripada kata dasar “أصاب - يُصِيبُ - إصَابَةٌ” (‘Umar, 2008). Menurut al-Munāwī (1990), perkataan musibah merujuk kepada setiap yang memberikan keburukan kepada insan. Namun al-Aṣḥānī (1991) berpendapat bahawa perkataan musibah boleh juga digunakan pada perkara yang baik atau buruk. Hal ini kerana terdapat juga perkataan “أصاب” yang digunakan dengan “حسنة” seperti di dalam surah *al-Nisā’* [4] ayat ke 79. Manakala Ibn al-Athīr (1979) pula berpendapat bahawa musibah merupakan sesuatu yang ditimpa sebagai balasan.

Abū Zahrah (t.th.) dalam tafsirnya terhadap surah *al-Baqarah* [2] ayat 156, mendefinisikan musibah sebagai setiap yang menimpa insan seperti kecelakaan pada diri sendiri disebabkan penyakit, atau hartanya disebabkan kerugian, atau kehilangan orang yang tersayang, atau kejadian buruk yang mengejutkan seperti kalah dalam peperangan, atau dikhianati, atau lain-lain lagi perkara yang menyulitkan manusia.

Berdasarkan pelbagai takrifan yang dinyatakan di atas, dapat difahami bahawa perkataan “أصاب” di dalam al-Quran digunakan pada sesuatu yang menimpa manusia sama ada baik atau buruk. Namun penggunaannya dalam masyarakat merujuk kepada perkara buruk yang menimpa manusia sepertimana yang dimaksudkan dalam hadis-hadis Nabi SAW. Namun begitu, orang Islam beriman bahawa musibah buruk yang menimpa ini mempunyai hikmah disebaliknya seperti yang ditetapkan oleh Allah SWT Yang Maha Mengetahui.

4. Analisis Hadis Rasulullah SAW Berkaitan Musibah

Dalam *Kitāb al-Marḍā* yang disusun oleh Imam Muḥammad Ibn Ismā‘īl al-Bukhārī, beliau telah memuatkan beberapa hadis yang menyentuh perihal musibah. Kaitan di antara musibah dan penyakit dapat dilihat semula pada definisi musibah yang merujuk kepada perkara yang menyulitkan manusia seperti ditimpa penyakit. Oleh itu, hadis-hadis Rasulullah SAW berkaitan musibah di dalam *Kitāb al-Marḍā* ini perlu diteliti dan dihayati seperti berikut:

4.1 Musibah Sebagai Penghapus Dosa

Menurut Ismail (2018) semua maksiat atau pelanggaran kepada perintah Allah SWT adalah dosa dan akan dikenakan balasan di akhirat kelak. Balasan ini bergantung kepada jenis dosa sama ada dosa kecil atau dosa besar kecuali jika individu yang melakukannya bertaubat dan taubat tersebut diterima oleh Allah SWT Yang Maha Pengampun. Namun rahmat Allah SWT itu tersangat luas sehinggakan musibah yang menimpa hamba-Nya juga boleh menghapuskan dosa secara tidak langsung. Taubat pasif yang dimaksudkan ini jelas disebut oleh Nabi SAW dalam hadis-hadisnya.

4.1.1 Hadis 1

أَنَّ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((مَا مِنْ مُصِيبَةٍ تُصِيبُ الْمُسْلِمَ إِلَّا كَفَرَ اللَّهُ بِهَا عَنْهُ، حَتَّى الشَّوْكَةِ يُشَاكُهَا))

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Marḍā, Bāb Mā Jā’a Fī Kaffārat al-Marāḍ*, nombor hadis 5640]

Maksudnya:

Sesungguhnya Aisyah RA isteri Nabi SAW telah berkata: “Nabi SAW telah bersabda: “Tidaklah suatu musibah yang menimpa seorang muslim bahkan duri yang melukainya sekalipun melainkan Allah akan menghapus (kesalahannya).”

Musibah dalam hadis ini adalah dilihat dari sudut uruf manusia iaitu apa-apa perkara yang menimpa manusia daripada perkara yang tidak disukainya (al-Kirmānī, 1981). Oleh itu, musibah yang disifatkan dalam hadis ini bersifat umum dan tidak terikat dengan jenis-jenis tertentu. Hadis ini menjelaskan bahawa musibah yang ditimpakan ke atas seorang muslim merupakan salah satu penyebab untuk dosanya diampunkan oleh Allah SWT. Menurut Ibn Hajar (2013) meskipun para ulama berbeza pendapat pada jenis dosa yang dihapuskan oleh musibah tersebut, namun majoriti ulama cenderung kepada pendapat yang mengatakan bahawa dosa yang dimaksudkan dalam hadis ini adalah dosa kecil dengan disokong oleh hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ: ((الصَّلَوَاتُ الْخَمْسُ، وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ، وَرَمَضَانَ إِلَى رَمَضَانَ، مُكْفِّرَاتٌ مَا بَيْنَهُنَّ إِذَا اجْتَنَبَ الْكَبَائِرَ))

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Tahāra, Bāb al-Mukaffirāt Limā Baynahunna Mā Ujtunibat al-Kabā'ir*, nombor hadis 233]

Maksudnya:

Dari Abū Hurairah RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Solat lima waktu, dari hari Jumaat ke Jumaat (berikutnya) dan Ramadan ke Ramadan (berikutnya) akan menghapuskan (dosa-dosa) di antara tempoh tersebut apabila menjauhi dosa-dosa besar.”

Walau bagaimanapun, Ibn Hajar al-‘Asqalānī (2013) dalam mensyarahkan perihal ini turut membawa pandangan sebahagian ulama yang mengatakan bahawa dosa seseorang itu akan diampunkan menurut tahap ujian mereka. Makin besar ujian yang dihadapi maka lebih besarlah dosa yang akan diampunkan. Beliau turut menyatakan bahawa penyakit yang ditimpakan kepada seseorang itu juga boleh menjadi peluang untuk seseorang hamba itu diangkat darjat kedudukannya di sisi Allah SWT di samping pengampunan yang dijanjikan kepadanya.

4.1.2 Hadis 2

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ((مَا يُصِيبُ الْمُسْلِمَ مِنْ نَصَبٍ وَلَا وَصَبٍ وَلَا حُزْنٍ وَلَا أَدَى وَلَا غَمٍّ حَتَّى الشُّوْكَةِ يُشَاكُهَا، إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ خَطَايَاهُ))

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Mardā, Bāb Mā Jā'a Fī Kaffārat al-Marād*, nombor hadis 5641]

Maksudnya:

Dari Abū Hurairah, Nabi SAW telah bersabda: “Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahan-kesalahannya.”

Al-‘Ainī (t.th.) menghuraikan beberapa istilah yang disebut di dalam hadis di atas. Antaranya, *naṣab* membawa maksud kepenatan. *Waṣab* pula bermaksud kesakitan. *Ḥamm* bermaksud perkara yang dibenci manusia. Manakala *al-Ḥuzn* terhasil daripada kehilangan sesuatu yang berat untuk kehilangannya. Hal ini menunjukkan bahawa *al-Ḥamm* dan *Ḥuzn* merupakan penyakit batin. *Adha* pula bermaksud sesuatu yang menimpa manusia hasil perbuatan orang lain seperti gangguan dan *Ghamm* bermaksud sesuatu yang menimpa seseorang dan menyempitkan jiwa. Semua jenis musibah ini kembali semula kepada definisi asal seperti yang dinyatakan oleh al-Munāwī (1990) bahawa musibah merujuk kepada setiap yang memberikan keburukan kepada insan.

Penelitian terhadap hadis ini juga menjelaskan ganjaran bagi orang yang diuji adalah dapatan pahala serta terlepas daripada balasan buruk di akhirat (al-Qisṭillānī, 1905). Oleh itu, hadis ini menggambarkan musibah yang memberi implikasi terhadap emosi seperti kesedihan, kesihatan seperti penyakit dan juga fizikal

seperti duri yang melukai, kesemuanya akan diberikan ganjaran oleh Allah SWT. Adapun sabar dan reda akan menambahkan lagi ganjaran pahala seseorang di samping pahala musibah yang telah ditetapkan (Lāshīn, 2002).

Ini merupakan kelebihan bagi orang Islam. Rahmat Allah SWT dipamerkan dengan membuka pintu-pintu keampunan seluasnya buat hamba-Nya yang beriman. Manakala bagi orang kafir pula, meskipun seolah-olah kelihatan nikmat mereka dilebih dan dipanjangkan di dunia namun azab yang pedih menanti mereka di akhirat kelak sepertiman yang telah temaktub dalam surah *Ālī ‘Imrān* [3] ayat ke 178 yang berbunyi:

﴿وَلَا يَحْسِبَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّمَا نُمَلِّي لَهُمْ خَيْرَ لَأَنفُسِهِمْ ۗ إِنَّمَا نُمَلِّي لَهُمْ لِيَزْدَادُوا إِثْمًا ۚ وَلَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ﴾

Maksudnya:

“Dan jangan sekali-kali orang-orang kafir menyangka bahawa Kami membiarkan (mereka hidup lama) itu baik bagi diri mereka; kerana sesungguhnya Kami biarkan mereka hanyalah supaya mereka bertambah dosa (di dunia), dan mereka pula beroleh azab seksa yang menghina (di akhirat kelak).”

4.1.3 Hadis 3

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَرَضِهِ وَهُوَ يُوعَكُ وَعَكًا شَدِيدًا، وَقُلْتُ إِنَّكَ لَتُوعَكُ وَعَكًا شَدِيدًا. قُلْتُ إِنَّ ذَاكَ بِأَنَّ لَكَ أَجْرَيْنِ. قَالَ: ((أَجَلٌ مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُصِيبُهُ أَدَى، إِلَّا حَاتَّ اللَّهُ عَنْهُ خَطَايَاهُ، كَمَا تَحَاتُّ وَرَقُ الشَّجَرِ))

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Mardā, Bāb Shiddat al-Marād*, nombor hadis 5647]

Maksudnya:

Daripada ‘Abdullah Ibn Mas‘ūd RA, Aku pernah menemui Nabi SAW ketika Baginda SAW sedang sakit, lalu aku berkata: “Wahai Rasulullah, engkau sedang mengalami sakit yang amat berat, sebab itu engkau mendapat dua pahala? Baginda SAW menjawab: “Benar, seperti itulah. Tidaklah seorang Muslim yang tertimpa suatu musibah atau yang lain, melainkan Allah SWT akan menghapuskan kesalahan-kesalahannya sepertimana pohon menggugurkan dedaunannya”.

Hadis di atas menyatakan bahawa musibah yang menimpa orang Muslim akan diberikan ganjaran oleh Allah SWT dalam bentuk penghapusan dosa-dosa yang dilakukan olehnya seperti mana gugurnya daun-daun di pokok. Analogi gugur dedaunan merupakan kiasan kepada cepatnya keadaan tersebut berlaku seperti gugurnya daun-daun pokok yang berterbangan dan bertebaran ditiup angin musim luruh (al-Qisṭillānī, 1905). Hadis ini turut diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī di dalam bab-bab yang lain seperti *Bāb Ashad al-Nās Balā’an al-Anbiyā’ Thumma al-Amthal fa al-Amthal* (no. 5648), *Bāb Waq’ al-Yad ‘alā al-Marīd* (no. 5660), *Bāb Mā Yuqāl li al-Marīd wa Mā Yujīb* (no. 5661), *Bāb Qawl al-Marīd Innī Wajī’ aw Wāra’sāh aw Ishtadd bī al-Waja’* (no. 5667). Semua hadis tersebut diriwayatkan oleh ‘Abdullah Ibn Mas‘ūd RA dengan sedikit perbezaan pada matan hadis yang tidak mengubah makna.

4.2 Musibah Sebagai Permulaan Kebaikan

Menurut penelitian Ibn al-Athīr (1979) terhadap perkataan musibah dalam hadis-hadis Nabi SAW, beliau mendapati bahawa musibah merupakan sesuatu yang menimpa insan sebagai satu bentuk balasan. Hal ini merangkumi balasan kebaikan yang dikurniakan ke atas hamba Allah SWT yang bersabar dengan musibah yang menimpa diri mereka. Tambahan pula, musibah yang ditimpakan ke atas mereka merupakan pintu yang akan membuka lebih banyak pintu kebaikan buat mereka pada masa hadapan.

4.2.1 Hadis 4

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي صَعْصَعَةَ، أَنَّهُ قَالَ: سَمِعْتُ سَعِيدَ بْنَ يَسَارٍ أَبَا الْحُبَابِ، يَقُولُ: سَمِعْتُ أَبَا هُرَيْرَةَ، يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُصِبْ مِنْهُ))

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Marḍā, Bāb Mā Jā'a Fī Kaffārat al-Maraḍ*, nombor hadis 5645]

Maksudnya:

Dari Muḥammad Ibn 'Abdullah Ibn 'Abd Raḥmān Ibn Abū Ṣa'ṣa'ah telah berkata: "Aku telah mendengar Sa'īd Ibn Yasār Abū al-Ḥubāb berkata: "Aku telah mendengar Abū Hurairah RA berkata: "Nabi SAW bersabda: "Barangsiapa dikehendaki Allah SWT (mendapat) kebaikan, maka ia akan diuji"."

Musibah yang dimaksudkan dalam hadis ini adalah seperti segala bentuk penyakit yang memberikan kesan kepada kesihatan, kehilangan harta, kesedihan yang menghilangkan kegembiraan atau kepedihan yang mengganggu keadaan (Al-Bājī, 1999). Oleh itu, insan yang bersabar dan senantiasa mengharap balasan dan pertolongan daripada Tuhannya akan memperoleh kebaikan daripada Allah SWT. Malah menurut al-Qisṭillānī (1905), ulama hadis bersepakat bahawa hadis ini menggambarkan *bushrā* (berita gembira) buat orang yang beriman. Berita gembira atas kesabaran orang yang beriman dalam menghadapi musibah yang menimpa akhirnya berbaloi dengan balasan kebaikan daripada Allah SWT. Malah musibah ini merupakan satu bentuk "ṭibb ilāhī" (penyembuh Ilahi) yang menyembuhkan seterusnya merawat manusia daripada penyakit dosa yang menghancurkan dan merosakkan mereka (al-Zurqānī, 2003). Oleh itu, sebagai seorang yang beriman kepada Allah dan rasul-Nya, kita wajib percaya dan yakin bahawa di sebalik segala musibah yang ditimpakan ke atas kita, tersembunyi kebaikan-kebaikan yang telah ditentukan oleh Allah SWT buat kita selaku hamba-Nya dan ia akan terzahir apabila tiba waktunya nanti.

4.3 Larangan Putus Asa Kerana Ditimpa Musibah

Musibah yang menimpa umat Islam adalah bertujuan untuk melahirkan penganut yang bersabar atas segala takdir yang ditentukan sama ada baik mahupun buruk. Hal ini yang membuatkan seseorang individu itu istimewa. Bahkan, begitulah keadaan orang yang beriman kepada Allah SWT. Semua urusan mereka sentiasa berada dalam kebaikan sepertimana yang telah disebut oleh junjungan kita Nabi Muhammad SAW dalam hadisnya yang berbunyi:

عَنْ صُهَيْبٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ، إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ، وَلَيْسَ ذَاكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ، إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَّاءٌ شَكَرَ، فَكَانَ خَيْرًا لَهُ، وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَّاءٌ، صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ)).

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Zuhd Wa al-Raqā'iq, Bāb al-Mu'min Āmuruḥu Kulluḥu Khayr*, nombor hadis 2999]

Maksudnya:

Dari Ṣuhaib beliau telah berkata: "Nabi SAW telah bersabda: "Amat menakjubkan urusan seorang Mukmin kerana setiap urusannya adalah baik dan itu tidak akan berlaku kepada seorang pun kecuali kepada seorang Mukmin (yang sempurna keimanannya). Jika dia mendapat sesuatu yang mengembirakan dia bersyukur, maka itu adalah kebaikan baginya. Jika dia ditimpa kesusahan dia bersabar, maka itu adalah kebaikan baginya"."

Al-Rājihī (2018) menjelaskan bahawa bersabar di atas musibah dan ujian yang menimpa diri adalah suatu kewajipan. Konteks sabar ini membawa maksud menahan diri daripada rasa ragu-ragu, menahan lisan daripada mengeluh dan menahan anggota badan daripada melakukan perkara yang dimurkai Allah SWT seperti menampar pipi, menarik rambut dan mencarik pakaian.

Al-Rājihī (2018) juga menjelaskan bahawa berdasarkan pendapat yang *rājih*, reda dengan musibah yang menimpa diri adalah perkara yang *mustahab*. Oleh itu, seseorang yang ditimpa musibah mestilah sentiasa bersabar, reda dan tidak berputus asa dengan rahmat Allah SWT.

4.3.1 Hadis 5

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((لَا يَتَمَنَّيَنَّ أَحَدُكُمْ الْمَوْتَ مِنْ ضُرِّ أَصَابِهِ، فَإِنْ كَانَ لَا بُدَّ فَأَعْيَلًا فَلْيَقْبَلِ اللَّهُمَّ أَحْيِيَّ مَا كَانَتْ الْحَيَاةُ خَيْرًا لِي، وَتَوَفَّيْنِي إِذَا كَانَتْ الْوَفَاةُ خَيْرًا لِي))

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Marḍā, Bāb Tamannī al-Marīḍ al-Mawt*, nombor hadis 5671]

Maksudnya:

Daripada Anas Ibn Mālik RA, Nabi SAW bersabda: “Janganlah salah seorang di antara kalian mengharapkan untuk mati kerana musibah yang menimpanya. Jikalau benar-benar mengharapkan kematiannya, hendaklah dia berkata: “Ya Allah, hidupkanlah aku jika kehidupan itu baik untukku dan matikanlah aku jika kematian itu baik bagiku”.”

Hadis ini menjelaskan bahawa Nabi Muhammad SAW melarang perbuatan memohon kematian atas sebab musibah yang menimpa diri. Hal Ini adalah kerana musibah tersebut boleh membawa kebaikan buat dirinya dalam urusan agama atau dunia. Ia juga dapat memberi manfaat lain yang tidak diketahui, contohnya sebagai satu bentuk pembersihan dosa dan juga penghalang daripada melakukan sebarang dosa (Ibn Baṭṭāl, 2003). Pendapat yang sama juga dikongsikan bersama al-‘Ainī (t.th.) yang berpandangan bahawa musibah boleh datang dengan membawa bersamanya kebaikan. Larangan yang sama juga terlebih dahulu dinyatakan oleh Allah SWT di dalam surah al-Zumar [39] ayat ke 53 yang berbunyi:

﴿قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ﴾

Maksudnya:

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah SWT, kerana sesungguhnya Allah SWT mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.”

Hadis ini juga mengajar umat Islam bahawa kehidupan ini merupakan satu peluang kepada orang Islam untuk menyemai benih-benih pahala yang boleh dituai hasilnya di akhirat nanti. Semakin lama kehidupannya maka semakin banyak pahala dan faedah yang boleh diperolehi. Oleh itu, memohon kepada Allah SWT untuk dipendekkan umur bukanlah satu tindakan yang wajar dilakukan (Lāshīn, 2002). Namun, keizinan berbentuk doa yang diberikan oleh Nabi SAW dalam hadisnya yang berbunyi : ((اللَّهُمَّ أَحْيِيَّ مَا كَانَتْ الْحَيَاةُ خَيْرًا لِي، وَتَوَفَّيْنِي إِذَا كَانَتْ الْوَفَاةُ خَيْرًا لِي)) merupakan satu bentuk *taslīm* (penyerahan diri) kepada Allah SWT dalam menentukan apa yang terbaik buat agama dan dirinya serta reda dengan ketentuan Allah SWT tanpa berhenti berusaha dan bertawakal (Ibn Hajar, 2013). Hal ini selari dengan hadis Nabi SAW yang berbunyi :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ: لَا يَتَمَنَّيَنَّ أَحَدُكُمْ الْمَوْتَ إِذَا مُحْسِنًا فَلَعَلَّهُ يَزِدَّادُ، وَإِذَا مُسِيئًا فَلَعَلَّهُ يَسْتَعْتَبُ

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Tamannī, Bāb Mā Yukrah min al-Tamannī*, nombor hadis 7235]



Maksudnya:

Dari Abu Hurairah RA, sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda: “Janganlah salah seorang di antara kamu mengharapkan kematian. Boleh jadi dia orang yang baik, maka bertambah kebajikannya dan boleh jadi dia adalah orang yang jahat, maka dia bertaubat daripada kejahatannya”.”

5. Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, jelaslah bahawa Rasulullah SAW telah memberikan panduan kepada umat Islam dalam menghadapi dan menyambut baik segala musibah yang mendatang. Hal ini dapat dilihat daripada hadis-hadis yang dikumpulkan oleh para ulama khususnya yang dilakukan oleh Imam al-Bukhārī di dalam *Kitāb al-Marḍā, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Baginda SAW telah menekankan perihai musibah sebagai penghapus dosa bagi mereka yang beriman. Malah hadis berkaitan musibah sebagai penghapus dosa ini diulang beberapa kali oleh Imam al-Bukhārī dalam beberapa bab yang lain untuk menunjukkan penekanan yang diberikan oleh Imam al-Bukhārī. Berdasarkan hasil analisis terhadap lima buah hadis tersebut, didapati bahawa musibah merupakan satu permulaan kepada kebaikan. Malah terdapat larangan untuk berputus asa daripada rahmat Allah SWT atas sebab musibah yang melanda. Oleh itu, hadis-hadis ini secara khusus perlu dijadikan pedoman dalam menghadapi musibah-musibah yang menimpa. Juga keseluruhan Sunnah Nabi SAW secara umum dalam menyelesaikan segala konflik kehidupan manusia dengan berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah.

Rujukan

- ‘Umar, A. M. (2008). *Mu‘jam al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Mu‘āṣirah*. Kaherah: ‘Alim al-Kutub.
- Abū Zahrah. (t.th.). *Zahrat al-Tafāsīr*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- al-‘Ainī, M. A. (t.th.). *Umdat al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- al-‘Umarī, A. D. (1994). *Al-Sīrah al-Nabawiyyah al-Ṣaḥīḥah*. Madinah: Maktabat al-‘Ulūm wa al-Hikam.
- al-Aṣḥāhānī, A. Q. (1991). *Al-Mufradāt fī Gharīb al-Quran*. Beirut: Dār al-Qalam.
- al-Bājī, A. W. (1999). *Al-Muntaqa Sharḥ Muwaṭṭa’ Mālik*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Bukhārī, M. I. (2001). *Al-Jāmi‘ al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Umūr Rasūlillāh SAW wa Sunanihi wa Ayyāmihi (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī)*. Beirut: Dar Tūq al-Najāh.
- al-Fāsī, M. T. (2007). *Hāshiyat al-Tāwūdī Ibn Sūdāh ‘alā Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Kirmānī, M. Y. (1981). *Al-Kawākib al-Darārī fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- al-Munāwī, A. R. (1990). *Al-Tawqīf ‘alā Muḥimmāt al-Ta‘ārīf*. Kaherah: ‘Alim al-Kutub ‘Abd al-Khāliq Tharwat.
- al-Nāṣirī, M. M. (1985). *Al-Taysīr fī Ahādīth al-Tafsīr*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- al-Qisṭillānī, A. M. (1905). *Irshād al-Sārī li Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Mesir: Al-Maṭba‘a Al-Kubra Al-Amiriyah.
- al-Rājihī, A. A. (2018). *Tawfīq al-Rabb al-Mun‘im bi Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyadh: t.pt.
- al-Sha‘rāwī, M. M. (1997). *Al-Khawāṭir (Tafsīr al-Sha‘rāwī)*. Mesir: Maṭābi‘ Akhbār al-Yaum.
- al-Tirmīdhī, M. I. (1998). *Al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan Tirmidhi)*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- al-Zurqānī, M. A. B. (2003). *Sharḥ al-Zurqānī ‘alā Muwaṭṭa’ Mālik*. Kaherah: Maktabat al-Thaqāfah al-Dīniyyah.
- Aswad, M. A. R. (2019). Al-Ṭibb al-‘Ilājī Fī al-Sunnah al-Nabawiyyah Namādzij Taṭbīqiyyah. *HADIS*, 9(17), 134-153. Retrieved from <http://hadis.kuis.edu.my/index.php/inhad/article/view/62>.
- Baharum, N. et al. (2005). *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- El Sharabany, M. A. (2020). Al-Tadābir al-Nabawiyyah al-Hakīmah Li Muwājahat al-Awbi‘ah al-Hadīthah Covid-19 Unmūdzaian, *HADIS*, 10(20), 610-635. Retrieved from <http://hadis.kuis.edu.my/index.php/inhad/article/view/136>.
- Fu‘ād, A. B. (1968). *Taysīr al-Manfa‘a bi Kitābay Kunūz al-Sunna wa al-Mu‘jam al-Mufahras li Alfāz al-Hadīth al-Nabawī*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Ibn al-Athīr. (1979). *Al-Nihayah fī Gharīb al-Hadīth wa al-Athar*. Beirut: Al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Baṭṭāl, A. K. (2003). *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Riyadh: Maktabat al-Rushd.
- Ibn Ḥajar, A. A. A. (2013). *Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Al-Risālah Al-‘Ālamiyyah.
- Ibn Ḥajar, A. A. A. (2013). *Hudā al-Sārī li Muqaddima Faṭḥ al-Bārī*. Beirut: Al-Risālah Al-‘Ālamiyyah.
- Ibn Kathīr, A. F. I. (2000). *Tafsīr al-Quran al-‘Azīm*. Giza: Mu‘assasah Qurṭuba.
- Ismail, S. Z. (2018). Penguatkuasaan VS Dosa Peribadi. *Konvensyen Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia* 2018.



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.jurnal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 11, No. 21 (June 2021)

http://www.islam.gov.my/images/Berita/BPUU/KK_konvensyen_2018/PENGUATKUASAAN_VS_DOS_A_PERIBADI-Dr._Siti_Zubaidah.pdf.

Lāshīn, M. S. (2002). *Fath al-Mun'im Sharh Sahih Muslim*. Mesir: Dār al-Shurūq.

Muslim, I. H. (1991). *Al-Musnad al-Ṣahīh al-Mukhtaṣar bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ila Rasūlillah SAW (Ṣahīh Muslim)*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.